

21 NOV 2001
Agong-Lantik

RAJA-RAJA BERMESYUARAT DALAM MASA EMPAT MINGGU

KUALA LUMPUR, 21 Nov (Bernama) -- Raja-raja Melayu akan bermesyuarat dalam masa empat minggu untuk memilih Yang di-Pertuan Agong yang baru, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata sehingga Yang di-Pertuan Agong baru itu dipilih oleh Majlis Raja-raja, Timbalan Yang di-Pertuan Agong sekarang, Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin menjadi pemangku Yang di-Pertuan Agong.

Dr Mahathir menyatakan demikian pada persidangan media selepas secara rasmi mengumumkan kemangkatan Yang di-Pertuan Agong ke-11 Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah melalui RTM.

Sultan Salahuddin mangkat pukul 11.57 pagi pada usia 75 tahun di Pusat Rawatan Gleneagles Intan, di sini setelah gering selama dua bulan kerana komplikasi penyakit jantung. Sebelum itu Seri Paduka juga menjalani rawatan di Hospital Mount Elizabeth, Singapura.

Dr Mahathir yang jelas kelihatan sugul itu berkata: "Saya sangat sedih atas kemangkatan Seri Paduka kerana Seri Paduka kawan baik saya. Kami bekerja bersama-sama dengan rapat sekali.

"Saya tidak menjangka Seri Paduka akan mangkat begitu cepat," kata Dr Mahathir yang berada di Pusat Perubatan Gleneagles sebelum ke Angkasapuri untuk membuat pengumuman mengenai kemangkatan itu melalui RTM.

Ditanya tentang perasaannya terhadap Seri Paduka, beliau berkata: "Bagi saya kehilangannya sangat-sangat dirasai."

Perdana Menteri berkata Sultan Salahuddin merupakan Yang di-Pertuan Agong yang sangat aktif.

Seri Paduka telah melawat pelbagai tempat, jabatan dan kementerian boleh dikatakan setiap hari, katanya.

"Saya tahu Seri Paduka tidak begitu sihat kerana Seri Paduka telahpun menjalani pembedahan jantung dan komplikasi lain. Tetapi Seri Paduka bertegas bahawa baginda seharusnya menjalankan tugasnya sebagai Yang di-Pertuan Agong," katanya.

Dr Mahathir berkata almarhum Sultan Salahuddin telah menjalankan tugasnya dengan sangat berdedikasi.

"Saya rasa Seri Paduka merupakan Yang di-Pertuan Agong yang sangat baik," kata beliau.

Seri Paduka memerlukan bantuan alat pernafasan semenjak dibawa pulang dari Singapura pada Ahad lepas setelah menjalani rawatan di Hospital Mount Elizabeth dan berada dalam wad sejak 20 Sept.

Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng menyatakan semalam bahawa penyakit lemah jantung Sultan Salahuddin yang dialami sebelum ini bertambah serius sejak 6 Okt dan Seri Paduka menghadapi kelemahan buah pinggang sejak 16 Okt.

Keadaan Seri Paduka mulai tenat selepas itu, katanya.

Di Pusat Perubatan Gleneagles pagi ini, Sultan Mizan dan Permaisuri Nur Zahirah adalah antara mereka yang menziarahi Sultan Salahuddin.

Yang lain termasuk Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai, Peguam Negara Datuk Seri Ainum Mohd Saaid dan Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng.

-- BERNAMA

AU MAM RYN NMO